

23/04/2000

Jeffrey umum keluar PBS

KOTA KINABALU: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Bingkor, Datuk Dr Jeffrey Kitingan semalam mengumumkan keputusan keluar dari parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS).

Beliau mengumumkan perkara itu selepas mengadakan pertemuan dengan abangnya yang juga Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan di ibu pejabat parti itu di Penampang, dekat sini semalam.

Serentak dengan itu, Majlis Tertinggi PBS menggantung keanggotaan Jeffrey kerana menentang keputusan parti mengenai isu berbaik semula dengan Barisan Nasional (BN).

Menurut Jeffrey, keputusan itu dibuat selepas memikirkan perkara itu semasak-masaknya dan demi perjuangan kerjaya politik serta kepentingan rakyat Sabah.

"Saya membuat keputusan secara rasional kerana sebelum ini pun PBS ada menyatakan persetujuannya untuk menyertai semula BN, kerana itu ia perlu dilaksanakan segera tanpa berlengah lagi," katanya.

Sesudah membuat keputusan, katanya adalah lebih baik ia disegerakan supaya perjuangan boleh dilakukan dengan lebih baik.

Katanya, walaupun dalam pertemuan dengan Pairin beliau dipujuk supaya meneruskan perjuangan bersama PBS, beliau sudahpun membuat keputusan muktamad untuk menyertai BN.

Beliau berkata, lima lagi Adun akan mengadakan sidang akhbar mengenai keputusan mereka menyertai BN pada jam 3 petang hari ini. Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan nama Adun berkenaan.

Semalam, laporan beberapa akhbar menyebut lima Adun berkenaan, ialah dari Kundasang, Karim Adam, Edward Linggu (Tamparuli), Louis Rampas (Kiulu), Atong Mangabis (Matunggong) dan Johnny Goh (Inanam).

Menurutnya, lima Adun berkenaan sudahpun menyatakan hasrat mereka selepas berbincang dengan beliau dan keputusan itu akan hanya diumumkan hari ini.

Berikutan keputusannya, itu Jeffrey turut menghantar surat menyatakan keputusannya untuk keluar daripada PBS.

Ditanya adakah beliau akan menyertai Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang diketuai, Tan Sri Joseph Kurup, beliau enggan mengulas kerana perkara itu akan diumumkan pada sidang akhbar yang sama hari ini.

Ini adalah kali kedua Jeffrey meninggalkan PBS untuk menyertai BN. Sebelum ini beliau menyertai Parti Akar Bersatu (Akar) yang kini diketuai Datuk Pandikar Amin Mulia.

Beliau adalah Pengarah Yayasan Sabah dan pengasas Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) pada zaman pemerintahan PBS di negeri itu.

Di KUALA LUMPUR, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Datuk Dr Jeffrey Kitingan dan lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parti Bersatu Sabah (PBS) benar-benar ikhlas jika berhasrat menyertai Barisan Nasional (BN), kali ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, berkata Dr Jeffrey dan Adun PBS lain perlu memastikan mereka mampu memenuhi prinsip dan matlamat perjuangan gagasan itu.

"Kita (BN) akan lihat dahulu bagaimana prestasi mereka. Kita berharap kemasukan mereka dalam BN adalah ikhlas kerana kita perlu bekerjasama dan membangunkan negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara pecah tanah rumah pangsa kos rendah Seri Rakyat di Bukit Jalil, di sini

semalam.

Beliau diminta mengulas kemungkinan enam Adun PBS diketuai Dr Jeffry yang dijangka menyertai komponen BN menerusi Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS).

Dr Mahathir berkata, BN sememangnya mengalu-alukan kemasukan pemimpin atau Adun parti pembangkang itu ke dalam parti komponen BN.

Ditanya sama ada kemasukan itu tidak lebih daripada tindakan melompat parti, Perdana Menteri menjelaskan bahawa amalan seperti semenangnya kerap berlaku di Sabah.

"Ya, ada sesetengahnya begitu, tetapi kita dapati ini kerap berlaku di Sabah, misalnya kerana kebanyakan mereka tidak komited dalam perjuangan mereka. Tetapi, bilangan yang melompat ini semakin berkurangan," katanya.

(END)